

'Kita tak boleh lari dari kenaikan harga'

# DIESEL: TAK ADA CATUAN

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, SABTU** — Kerajaan tidak akan mengenakan catuan disel walaupun terdapat kekurangan sekarang. Demikian jaminan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kerajaan, katanya, akan cuba mengelakkan dari mengenakan catuan terutama sekali catuan disel kerana kekurangan tersebut pasti dapat diselesaikan.

Bagaimanapun, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, kekurangan disel tidak dapat segera diatasi kerana kekurangan tersebut dirasakan seluruh

Oleh  
**RUHANIE AHMAD**

dunia.

"Kita terpaksa menyelesaikan masalah itu menurut keadaan sekarang, iaitu sama ada kita terpaksa mengimport atau pun memproses sendiri minyak yang dikeluarkan oleh Petronas. Kedua-dua penyelesaian itu memakan masa," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, selepas merasmikan mesyuarat UMNO Bahagian Damansara, pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan bermesyuarat dengan wakil-wakil syarikat minyak di sini Isnin ini.

Pertemuan itu akan membincangkan beberapa masalah berkaitan dengan

kekurangan bekalan disel semasa ada harga petrol dan bahabahan petrolium lainnya akan dinaikkan.

Ditanya sama ada Kerajaan akan terus memberi subsidi kepada harga minyak tanah dan disel sekiranya harga petrolium dinaikkan kelak, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Kita tidak boleh lari dari kenaikan harga minyak buat selama-lamanya walaupun Kerajaan sanggup menaikkan subsidi harga disel dan minyak tanah dan melucakan subsidi untuk petrol."

"Memberi subsidi kepada harga minyak dan melucakan paras harga yang rendah, tidak akan bermakna sekiranya minyak itu diseludupkan pula ke luar negeri seperti ke Thailand sekarang ini.

"Kekurangan bekalan akan tetap terdapat walaupun Kerajaan memberi subsidi dan mengawal harga dipasaran rendah."

Bagaimanapun, tegas beliau, rakyat tidak perlu bimbang kerana minyak tetap akan dibekalkan di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir ada membayangkan bahawa dua harga berlainan bagi disel yang dijual untuk kegunaan awam dan kegunaan perindustrian mungkin dimansuhkan tidak lama lagi.

Beliau percaya ada pengguna perindustrian kini membeli bekalan disel mereka dengan harga rendah sedikit di pum-pum minyak biasa.

Sementara itu, sumber-sumber pula menegaskan bahawa Perbendaharaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kini sedang menyiapkan satu kertas kerja mengenai sama ada harga minyak perlu dinaikkan.

Sumber-sumber tersebut juga yakin harga disel yang berlainan untuk kegunaan awam dan perindustrian akan dimansuhkan sama sekali.